



Ringkasan

20

Usul Tafsir Al-Qur'an

Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami
Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat

Nota (21)

O.SEH : MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

Usul (18):

Usul ke-18 ialah mengelak diri daripada tafsir ahli bid'ah atau golongan-golongan yang sesat (الاجتناب عن تفسير الفرق الضالة) dan juga golongan-golongan Islam di zaman moden yang terpengaruh dengan ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah bukan Islam.

Ahli bid'ah atau golongan-golongan yang sesat adalah orang-orang yang mengaku beragama Islam, sedangkan 'aqidahnya terpesong dan terseleweng daripada ajaran Islam sebenar. Mereka terdiri daripada golongan Khawarij, Syi'ah-Syi'ah yang melampau (Rawafidh), Jahmiyyah, Mu'tazilah, Qadariyyah, Jabriyyah, Murji'ah, Batiniah, Anti hadits dan lain-lain.

Golongan-golongan Islam di zaman moden yang terpengaruh dengan ideologi-ideologi dan falsafah-falsafah bukan Islam pula mungkin terdiri daripada pendokong-pendokong Sosialisma, Komunisma, Sekularisma, Qadianisma, Liberalisme, Pluralisma dan lain-lain.

Dalam keadaan sudah ada tafsiran-tafsiran daripada para sahabat, tabi'in dan para ulama mu'tabar yang bijaksana dan saleh dari kalangan Ahli as-Sunah Wa al-Jama'ah, tafsiran-tafsiran golongan-golongan menyeleweng yang disebutkan tadi langsung tidak diperlukan lagi.

Pada dasarnya masing-masing golongan yang sesat dan menyeleweng itu sudah pun mempunyai kepercayaan dan tanggapan sendiri, lalu untuk memperkuat pegangan mereka, ayat-ayat tertentu dita'wilkan supaya kelihatan bersesuaian dengannya. Antara golongan sesat yang paling banyak melakukan ta'wilan-ta'wilan terhadap ayat-ayat al-Qur'an untuk menguatkan fahaman mereka dan membenarkan amalan-amalan mereka ialah puak-puak Batiniah dan Syi'ah.

Puak-puak Batiniah itu banyak pula pecahan dan alirannya. Termasuklah antara mereka golongan Qaramithah dan sufi yang melampau. Mereka ini mempunyai apa yang dinamakan sebagai 'tafsir batin' atau 'tafsir isyari'. Tafsir yang baik semestinya tidak mengandungi tafsir-tafsir seperti itu. Ahli tafsir Sunni yang bijaksana sudah tentu tidak akan terpengaruh dengannya dan seterusnya tentu sekali tidak akan memberi ruang untuk tafsir-tafsir seperti itu di dalam tafsirnya.

Penulis sama sekali tidak bermaksud menyatakan semua tafsir isyari itu langsung tidak ada kebenaran dan kebaikannya. Apa yang dimaksudkan ialah banyak daripadanya sememangnya mengarut dan langsung tidak berasas. Maka pentafsir hendaklah berwaspada terhadapnya.

Di bawah ini dikemukakan beberapa contoh tafsir isyari puak Batiniah dan Sufi yang menyeleweng:

(1) Firman Allah di dalam Surah Thaha seperti di bawah ini:

أَذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Pergilah kepada Fir'aun; sesungguhnya ia telah melampaui batas. (Thaha:24).

Perkataan fir'aun di dalam ayat ini ditafsirkan mereka dengan nafsu. Musa yang diperintah Allah supaya pergi kepada Fir'aun pula ditafsirkan dengan roh. Jadi maksud Allah dengan firmanNya ini ialah: Wahai roh pergilah engkau kepada nafsu yang telah melampaui batas.

(2) Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah di bawah ini:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا بَقَرَةً قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُوًا قَالَ أَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ

مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٦٧﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Musa berkata kepada kaumnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyembelih seekor lembu betina”. Mereka berkata: “Apakah kamu menjadikan kami bahan ejekan?” Musa menjawab: “Aku berlindung kepada Allah agar tidak menjadi salah seorang dari orang-orang yang jahil.” (al-Baqarah:67).

Perkataan بقره (seekor lembu betina) yang tersebut di dalam ayat ini dipakai mereka dengan erti nafsu. Ertinya menurut mereka ialah Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyembelih nafsu.

(3) Perintah Allah kepada Musa supaya menanggalkan kasut di dalam firmanNya ini:

إِنِّي أَنَا رَبُّكَ فَأَخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طَوًى ﴿١٢﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Aku Tuhanmu! Maka tanggalkanlah kedua kasutmu, kerana engkau sekarang berada di Wadi Thuwa yang suci. (Thaha:12), ditafsir mereka dengan meninggalkan dunia. Jadi maksudnya menurut mereka ialah maka tinggalkanlah dunia.

(4) Berhubung dengan bahagian yang bergaris di dalam Firman Allah di bawah ini:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ
أُنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Bermaksud: Dialah yang menjadikan bumi sebagai hampan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mengetahui. (al-Baqarah:22), mereka mengatakan, sekutu Allah yang paling besar ialah nafsu yang sangat suka menyuruh seseorang melakukan kejahatan dan sangat suka memuaskan dirinya.

(5) Perkataan Thagut yang tersebut di dalam firman Allah di dalam Surah an-Nisaa' berikut:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَؤُلَاءِ أَهْدَىٰ مِنَ الَّذِينَ
ءَامَنُوا سَبِيلًا ﴿٥١﴾

Bermaksud: Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari Kitab (Taurat)? Mereka percaya kepada benda-benda yang disembah yang lain dari Allah dan kepada Taghut dan mereka pula berkata kepada orang-orang kafir (kaum musyrik di Mekah) bahawa mereka (kaum musyrik itu) lebih betul jalan agamanya daripada orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad s.a.w). (an-Nisaa':51), ditafsirkan mereka dengan nafsu yang sangat suka menyuruh manusia melakukan kejahatan. Menurut mereka kepala segala thagut adalah nafsu manusia itu.

(6) Mereka mempunyai tafsiran sendiri berhubung dengan beberapa rangkai kata yang tersebut di dalam Surah an-Nisaa' di bawah ini:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ
الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Bermaksud: Dan beribadatlah kamu kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri. (an-Nisaa':36).

Perhatikan rangkai kata yang bergaris di bawahnya di dalam ayat di atas. Itulah erti sebenarnya. Tetapi mereka ini menta'wilkannya dengan ma'na-ma'na yang jauh terpesong daripada ma'na sebenarnya. وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ ditafsirkan dengan hati. وَالْجَارِ ditafsirkan dengan nafsu semula jadi di dalam diri manusia. وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ ditafsirkan dengan akal yang mengikut Syara'. Dan وَابْنِ السَّبِيلِ pula ditafsirkan dengan anggota badan yang ta'at dan patuh kepada Allah.

(7) Firman Allah di dalam Surah an-Naml berikut:

فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةٌ بِمَا ظَلَمُوا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

52. Maka itulah rumah-rumah mereka dalam keadaan runtuh disebabkan kezaliman mereka. Sesungguhnya pada yang demikian itu (terdapat) pelajaran bagi kaum yang mengetahui (akan sebab dan musababnya). (an-Naml:52).

Mereka pula mentafsirkannya dengan: "Itulah hati-hati mereka setelah terus berada di atas apa yang dilarang oleh Allah. 'Rumah-rumah mereka' ditafsirkan dengan hati-hati mereka. Hati manusia itu diibaratkan sebagai rumah, adakalanya ia ma'mur dengan zikir kepada Allah, adakalanya pula ia runtuh dan sepi apabila tiada zikir kepada Allah di dalamnya.

(8) Firman Allah di dalam Surah ar-Ruum berikut:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Bermaksud: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (ar-Ruum:41).

Kata mereka, yang dimaksudkan dengan perkataan البر (darat) di dalam ayat itu ialah anggota badan manusia. Dan yang dimaksudkan dengan perkataan البحر (laut) ialah hati manusia.

(9) Perkataan مساجد yang tersebut di dalam firman Allah berikut:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ وَاسْمُ مَنْ فِي خَرَابِهَا أُولَئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ
لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Bermaksud: Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menghalang-halangi menyebut nama Allah di dalam masjid-masjid-Nya, dan berusaha untuk merobohkannya? Mereka itu tidak sepatutnya masuk ke dalamnya (masjid Allah), kecuali dengan rasa takut (kepada Allah). Mereka di dunia mendapat kehinaan dan di akhirat mendapat siksa yang berat. (al-Baqarah:114), ditafsirkan mereka dengan hati-hati manusia. Orang yang menghalang hatinya daripada mengingat Allah dengan melakukan pelbagai ma'shiat adalah orang yang paling zalim. Di dunia ia akan hina dan di akhirat pula ia akan disiksa.

Hukum Tafsir Isyari

Para ulama berbeda pendapat tentang tafsir isyari. Apakah semua tafsir isyari itu salah atau ada juga antaranya yang boleh diterima? Mereka terbahagi kepada tiga golongan dalam menghadapi persoalan ini.

(1) Golongan pertama terdiri daripada orang-orang yang tidak mengharuskan pentafsiran al-Qur'an melainkan menurut apa yang zahir daripada kehendak bahasa

`Arab dan apa yang dinukilkan daripada Nabi dan para sahabat baginda. Bagi mereka tidak ada di dalam al-Qur'an itu apa yang dinamakan sebagai tafsiran batin.

(2) Golongan kedua terdiri daripada orang-orang yang berpendapat, al-Qur'an harus ditafsirkan walaupun tidak menurut zahir bahasa `Arab. Ini kerana al-Qur'an ada ma'na zahir dan ada juga ma'na batinnya. Golongan ini terlajak sehingga berani mentafsirkan al-Qur'an meskipun bercanggah dengan tafsiran yang ma'ruf dari golongan sahabat dan tabi'in. Pendapat golongan ini salah dan tidak boleh diterima sama sekali.

(3) Golongan ketiga terdiri daripada orang-orang yang berpendapat, memanglah tafsiran yang benar dan terbaik ialah tafsiran yang dinukilkan daripada Nabi s.a.w. dan para sahabat serta tafsiran yang bersesuaian dengan tuntutan zahir bahasa arab, tetapi di dalam al-Qur'an juga terdapat isyarat-isyarat yang tersembunyi. Ia kadangkala disingkapkan kepada hati sesetengah auliya' Allah dan hamba-hambaNya yang saleh. Isyarat-isyarat itu bagaimanapun tidaklah menyalahi ma'na zahir al-Qur'an yang dimaksudkan. Malah ia betepatan dengan ma'na zahir yang tsabit daripada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda.

Golongan Yang Tidak Menerima Tafsir Isyari Dan Alasan Mereka

Antara tokoh tafsir yang menolak tafsir isyari ialah:

(i) Al-Imam Abul Hasan al-Waahidi. Ibnu as-Shalah di dalam Fatawanya menurut apa yang dinukilkan daripada beliau oleh az-Zarkasyi di dalam al-Burhannya, berkata: "Aku dapati Imam Abul Hasan al-Waahidi al-Mufasssir berkata, "Abu `Abdir Rahman as-Sulami telah mengarang 'Haqa'iq at-Tafsir'. Jika dia percaya bahawa apa yang ditulisnya itu tafsir, maka jadi kafirlah dia." (az-Zarkasyi – al-Burhaan Fi `Uloom al-Qur'an j.2 m/s 170).

(ii) Al-Imam an-Nasafi (Abul Barakaat `Abdullah bin Ahmad bin Mahmud m.710H). Beliau di dalam Kitab `Aqa'idnya berkata, "Nas-nas al-Qur'an adalah mengikut ma'na zahirnya. Berpaling daripadanya kepada ma'na-ma'na yang dida'wa oleh Ahlul Bathin adalah ilhad (kekufuran). (Al-`Aqa'id an-Nasafiyyah m/s 166).

(iii) Al-Imam Sirajuddin al-Bulqini ('Umar bin Ruslan bin Nashir bin Saleh al-Kinaani al-Bulqini m.805H). As-Suyuthi di dalam al-Itqaan berkata, "Pernah Syeikhul Islam al-Bulqini ditanya tentang seseorang yang mentafsirkan firman Allah berikut:

مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ (البقرة: 255)

dengan mengatakan bahawa ma'nanya ialah مَنْ ذَلَّ (sesiapa yang menghinakan) dan ذِي adalah isyarat kepada النفس (nafsu). يَشْفَعُ pula fi'il mudhari' majzum daripada شفاء dan ia menjadi jawab bagi مَنْ غُ. Jadi ma'nanya ialah sesiapa yang menghinakan nafsu, ia sembuh. Sedarlah! Maka Syeikhul Islam al-Bulqini memfatwakan orang yang mentafsirkan begitu sebagai mulhid (kafir dengan sebab memutar belit dan memesongkan ma'na ayat al-Qur'an). (al-Itqaan j.2 m/s 236).

Antara alasan mereka kenapa tafsir isyari tidak dibenarkan ialah:

(1) Bahasa yang terpakai di dalam al-Qur'an adalah bahasa 'Arab tulen. Ma'na, isi kandungan dan struktur ayatnya tentulah menurut apa yang difahami dan diketahui oleh bangsa 'Arab yang menggunakannya. Sesuatu yang tidak diketahui dan dimengerti oleh orang 'Arab, tentu sekali tidak boleh dianggap sebagai yang dimaksudkan dengan bahasa 'Arab yang tulen itu. Jika ia tidak mengikut qaedah bahasa 'Arab, bagaimana mereka akan memahaminya? Oleh itu tidak haruslah al-Qur'an itu ditafsirkan menyalahi apa yang zahir daripada lafaz-lafaznya.

(2) Tafsiran yang menyalahi zahir bahasa 'Arab akan membawa al-Qur'an jauh daripada maksud dan tujuannya. Sebagai contoh lihat saja betapa terpesongnya tafsiran yang telah dibuat oleh seorang yang dianggap sebagai as-Syeikh al-Akbar oleh orang-orang sufi, iaitu Ibnu 'Arabi. Beliau telah mentafsirkan firman Allah di bawah ini:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama saja kepada mereka, engkau beri amaran atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak juga akan beriman. (al-Baqarah:6), dengan mengatakan: "Wahai Muhammad... Sesungguhnya orang-orang kafir, mereka menyembunyikan cinta mereka

kepadaKu... Biarkan mereka. Sama saja kepada mereka sama ada engkau beri amaran yang aku utuskan engkau membawanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak juga akan beriman dengan kata-katamu. Kerana mereka tidak fikir selain Aku. Engkau pula memberi amaran kepada mereka dengan makhlukKu, padahal mereka tidak dapat mengerti dan tidak nampak pun makhluk yang engkau ancam mereka dengannya itu. Bagaimana mereka akan beriman kepadamu, sedangkan Aku telah mengunci hati mereka. Aku tidak tinggalkan langsung ruang di dalam hati mereka untuk selainKu. Pada pendengaran mereka ada penutup. Mereka tidak mendengar kalam yang lain di dalam alam ini selain daripadaKu. Pada penglihatan mereka juga ada penutup berupa keindahanKu ketika menyaksikan Aku. Mereka tidak nampak lagi selainKu. (al-Futuhaat al-Makkiyyah j.1 m/s 115).

(3) Tafsir isyari seperti yang dibuat oleh orang-orang sufi itu tidak pernah dinukilkan daripada as-Salaf as-Saleh, baik dari kalangan sahabat, tabi'in atau tab'i at-tabi'in. Meskipun mereka lebih mengerti tentang ma'na-ma'na Kitab Allah dan lebih mengerti bahasa arab daripada orang-orang lain. Sekiranya tafsiran seperti itu telah ada di kalangan mereka, sudah tentu ia dinukilkan kepada kita seperti mana dinukilkan perkara-perkara lain. Apabila terbukti tidak ada nukilan daripada mereka mengenainya, dapatlah disimpulkan bahawa tafsiran seperti itu tidak pernah wujud semasa mereka. Adalah tidak masuk akal jika dikatakan orang lain telah membawa tafsir yang lebih baik daripada tafsiran mereka.

Inilah tiga alasan mereka kenapa tafsir isyari itu terlarang menurut Syara'.

- ✧ Orang-orang yang mengharuskan tafsir isyari tidak mempunyai dalil yang kukuh selain daripada hadits-hadits yang dha'if. Oleh itu, kalau ada pun tafsir isyari yang dibenarkan, maka ia tidak lebih daripada isyarat-isyarat seni yang terdapat di celah-celah ma'na-ma'na al-Qur'an yang zahir. Ia tidak lebih daripada mengambil i'tibar dan pengajaran daripada ma'na-ma'na al-Qur'an yang zahir yang sememangnya dimaksudkan. Di sana tidak terdapat satu pun dalil tentang keharusan tafsir isyari secara mutlaq.

Antara contoh tafsir isyari yang diterima oleh para ulama - dan sebenarnya ia bukan pun merupakan tafsir al-Qur'an menurut istilah mufasssirin - ialah apa yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbaas bahawa beliau berkata:

“Umar selalu mengajakku masuk berkumpul bersama-sama para pemuka Badar. Sebahagian mereka semacam memendam sesuatu di dalam dirinya. Maka salah seorang dari mereka pun bertanya, “Kenapa kamu mengikutsertakan anak ini bersama kami, padahal kami juga memiliki anak-anak yang sebaya dengannya?” Maka ‘Umar pun berkata, “Sesungguhnya anak itu mempunyai keistimewaan tersendiri seperti yang telah kamu ketahui.” Kemudian pada suatu hari, ‘Umar memanggilnya dan mengikutsertakannya bersama-sama mereka. Ibnu ‘Abbaas berkata, “Aku tahu bahawa tidak ada maksud lain ‘Umar memanggilku, kecuali untuk memperlihatkan aku kepada mereka.” ‘Umar berkata, “Bagaimana pendapat kamu berkenaan dengan ayat ini: *إذا جاء نصر الله والفتح*?” Maka sebahagian dari mereka berkata, “Kita diperintahkan memuji Allah dan meminta maghfirahNya ketika diberi pertolongan dan kekuatan untuk menaklukkan suatu negeri.” Semenata sebahagian yang lain diam tak berkata sepatah kata pun. Setelah itu, ‘Umar bertanya padaku, “Apakah seperti itu juga pendapatmu wahai Ibnu ‘Abbaas?” Aku menjawab, “Tidak.” ‘Umar bertanya lagi, “Jadi bagaimanakah pendapatmu?” Aku menjawab, “Firman Allah itu berkait dengan ajal Rasulullah s.a.w. Allah telah memberitahukan kepadanya, firman Allah: *إذا جاء نصر الله والفتح*. Itu adalah alamat ajalmu. Kerana itu bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah keampunan, sesungguhnya Dia Maha menerima taubat. ‘Umar lantas berkata, “Tidak ada jawaban yang lebih tepat, kecuali apa yang telah kamu katakan.” (Hadits riwayat al-Bukhari).

Atsar Ibnu ‘Abbaas ini menunjukkan para sahabat pun tidak sama dalam pemahaman mereka terhadap ma`na yang terkandung di dalam al-Qur’an. Ada yang sekadar memahami ma`na zahir yang tersurat padanya, ada pula yang memahami ma`na isyari dan yang tersirat di sebalik ma`na zahirnya. Memahami ma`na yang tersirat di sebalik ma`na zahir itulah yang dinamakan tafsir isyari. Saiyyidina ‘Umar dan Ibnu ‘Abbaas adalah antara sahabat yang memahami ma`na tersirat di sebalik ma`na zahir Surah an-Nashr. Ma`na tersirat yang difahami mereka berdua daripadanya ialah sudah hampirnya ajal Rasulullah s.a.w.

Berkata al-Imam asy-Syathibi, “Zahir surah ini (Surah an-Nashr) menunjukkan Allah memerintahkan NabiNya agar bertasbih memujiNya dan beristighfar kepadaNya, setelah Allah memberi pertolongan dan kemenangan kepadanya, sedangkan ma`na

tersiratnya ialah Allah memberitahu dan mengisyaratkan kepada NabiNya tentang kewafatannya yang tidak lama lagi akan berlaku. (al-Muwafaqaat j.3 m/s 228).

Perbezaan Di Antara Tafsir Isyari Golongan Sufi Yang Benar Dan Tafsir Isyari Golongan Bathiniah

Sememangnya terdapat perbezaan di antara tafsir isyari as-Salaf as-Saleh dan golongan sufi yang benar dengan tafsir isyari golongan bathiniah dan Qaramithah. Golongan as-Salaf as-Saleh dan sufi yang benar tidak menghalang daripada tafsiran al-Qur'an berdasarkan ma'na zahirnya, mereka malah menggalakkan orang ramai memakai ma'na zahirnya, di samping mereka sendiri beramal pula dengan tuntutan dan kehendaknya. Sedangkan golongan bathiniah dan Qaramithah pula langsung tidak mahu menerima ma'na zahir al-Qur'an dan menafikan ma'na zahirnya sebagai ma'na yang dikehendaki Allah. Mereka begitu sewenang-wenang memberikan ma'na-ma'na yang langsung tidak ada kena mengena dengan zahir kalam Allah. Bagi mereka, setiap potong ayat al-Qur'an boleh berubah-ubah ma'nanya mengikut keadaan dan zaman. Sesuatu ayat al-Qur'an juga mungkin mempunyai beberapa ma'na yang saling berlawanan dan bertentangan. Selain itu, bahagian permulaan sesuatu ayat al-Qur'an mungkin memberi suatu ma'na yang tiada langsung kaitannya dengan bahagian hujungnya.

Syarat-Syarat Untuk Diterima Tafsir Isyari

Kata al-Imam Ibnu al-Qaiyyim di dalam kitabnya *at-Tibyaan Fi Aqsaam al-Qur'an*, "Tafsir orang ramai (umat Islam) berputar di atas tiga prinsip berikut:

- (1) Tafsir berpandukan lafaz al-Qur'an. Ia adalah cara yang dipilih oleh golongan muta'akkhirun.
- (2) Tafsir berdasarkan ma'na al-Qur'an. Inilah cara tafsir yang dipilih oleh golongan Salaf.
- (3) Tafsir berpandukan isyarat. Inilah cara tafsir yang dipilih oleh ramai golongan sufi dan orang-orang lain selain mereka. Cara ini juga boleh digunakan dengan empat syarat berikut:

(i) Ia hendaklah tidak bercanggah dengan ma`na ayat (yang asal). (ii) Ia sendiri merupakan ma`na yang benar. (iii) Terdapat pada lafaz ayat sesuatu isyarat yang menunjukkan kepadanya. (iv) Pertalian di antara ma`na isyari dan ma`na asal ayat sangat rapat dan tidak boleh dipisahkan. Jika keempat-empat syarat ini ada, maka kesimpulan yang dibuat sebagai tafsir isyari itu akan elok.

Az-Zarqaani di dalam Manahilu al-`Irfaan menulis:

“Sesungguhnya tafsir isyari itu tidak boleh diterima melainkan apabila ada lima syarat berikut:

(1) Ia hendaklah tidak bertentangan dan bercanggah dengan ma`na yang zahir daripada kalam Allah.

(2) Ia tidak dida`wa sebagai satu-satunya kehendak Allah selain daripada ma`na zahirnya.

(3) Ia tidak terhasil daripada ta`wilan yang jauh dan dangkal terhadap ayat-ayat al-Qur`an.

(4) Ia tidak bercanggah dengan dalil-dalil syar`i dan `aqli.

(5) Terdapat bukti dan dalil serta sokongan daripada syara` yang menyokongnya.

Penyelewengan Tafsir Al-Quran Di Kalangan Syi`ah

31/10/2018 Golongan Syi`ah juga banyak melakukan penyelewengan dan pemesongan terhadap lafaz-lafaz dan ma`na-ma`na al-Qur`an seperti golongan Batiniah. Mereka juga mempunyai banyak puak dan pecahan. Antara puak Syi`ah yang paling popular dan paling ramai pengikutnya hingga ke hari ini ialah puak Syi`ah Imam Dua Belas, puak Syi`ah Ismailiah dan puak Syi`ah Zaidiah. Bagaimanapun yang mempunyai kitab-kitab paling banyak, khususnya dalam bidang tafsir ialah Puak Syi`ah Imam Dua Belas.

Oleh kerana Syi`ah imam dua belas itu lebih popular di zaman sekarang dan merekalah yang paling banyak melakukan penyelewengan terhadap al-Qur`an, sama ada penyelewengan pada perkataannya atau pada ma`nanya. Bahkan bukan sekadar itu sahaja, mereka malah mempercayai al-Qur`an yang ada di tangan umat Islam hari

ini bukanlah al-Qur'an yang asli. Ia tidak lebih daripada al-Qur'an yang telah ditokok tambah kandungannya oleh para sahabat Nabi s.a.w.

Di bawah ini dikemukakan beberapa penyelewengan mereka terutamanya yang berkaitan dengan 'aqidah. Terlebih dahulu eloklah diketahui 'aqidah-'aqidah yang mendorong mereka memesongkan al-Qur'an supaya bersesuaian dengannya:

(i) 'Aqidah imamah (ii) 'Aqidah 'ishmah (iii) 'Aqidah raj'ah (iv) 'Aqidah taqiyyah (v) 'Aqidah takfir sahabat (vi) 'Aqidah tahrif al-Qur'an (vii) Kepercayaan kepada Imam Mahdi.

Antara contoh penyelewengan al-Qur'an oleh Syi'ah:

(1) Firman Allah di dalam Surah al-Fatihah:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ۝

Bermaksud: Tunjukilah kami jalan yang lurus, (6) (yaitu) Jalan orang-orang yang telah Engkau beri ni'mat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat (7). (al-Faatihah:6-7).

Golongan Syi'ah pula meriwayatkan daripada Ja'far as-Shadiq bahawa beliau berkata, ayat itu begini sebenarnya:

اهدنا الصراط المستقيم صراط من أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم وغير الضالين

(2) Firman Allah di dalam Surah Yasiin:

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ ۚ وَكُلُّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ ۝

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab (Lauh Mahfuzh) yang nyata. (Yasiin:12).

ayah Ja'far as-shadiq

Golongan Syi'ah meriwayatkan daripada Muhammad al-Baqir bahawa bila ayat bergaris di atas diturunkan, Abu Bakar dan 'Umar bangkit lalu berkata, "Wahai Rasulullah, (إمام مبين) adalah Taurat. Nabi s.a.w. bersabda, "Bukan". Mereka berdua

berkata pula, “Kalau begitu ia adalah al-Qur’an.” Jawab Nabi s.a.w. “Bukan”. Pada ketika itu datanglah Amirul Mu’minin (‘Ali). Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ia adalah dia ini. Sesungguhnya dialah imam yang Allah catitkan pengetahuan segala sesuatu padanya.” Mereka juga meriwayatkan daripada Amirul Mu’minin bahawa beliau berkata: أنا والله الإمام المبين (Lihat Tafsir al-Qummi m/s 548, Tafsir as-Shafi j.2 m/s 421).

(3) Berhubung dengan firman Allah di bawah ini:

وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ۝

Bermaksud; dan (demi) penciptaan laki-laki dan perempuan (al-Lail:3). Menurut Syi’ah, Muhammad al-Baqir diriwayatkan mereka telah mentafsirkan perkataan الذَّكَرَ dengan ‘Ali. Dan الأنثى dengan Fathimah. (Mir’aat al-Anwaar m/s 48).

(4) Berhubung dengan firman Allah di dalam Surah ar-Rahman:

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ۝

Bermaksud: Maka yang mana satu di antara ni`mat-ni`mat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (ar-Rahman:16).

Tafsiran yang diberikan untuk ayat ini di dalam Tafsir al-Qummi m/s 680 adalah begini: يعني فبأي النعمتين تكفران بمحمد أم بعلي؟ (Yang mana satu daripada dua ni`mat Tuhan kamu, yang hendak kamu kufuri, Muhammadkah atau ‘Ali?).

(5) Semua perkataan الفساد dan segala pecahannya di dalam al-Qur’an ditafsirkan oleh Syi’ah dengan Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Utsman.

(6) Berhubung dengan firman Allah di dalam Surah al-Hijr:

لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَابٍ لِّكُلِّ بَابٍ مِنْهُمْ جُزْءٌ مَّقْسُومٌ ۝

Bermaksud: Ia (Jahannam itu) mempunyai tujuh pintu; bagi tiap-tiap sebuah pintu ada bahagian yang tertentu dari mereka (yang sesat dan menyesatkan itu). (al-Hijr:44).

Al-'Ayyasyi meriwayatkan daripada Abi Bashir daripada Ja'far as-Shadiq, bahawa beliau berkata: "Dibawakan Jahannam. Ia mempunyai tujuh pintu. Pintu pertamanya untuk Si Zalim, iaitu Zuraiq (Saiyyidina 'Umar). Pintu keduanya untuk Habtar (Saiyyidina Abu Bakar). Pintu ketiganya untuk yang ketiga (Saiyyidina 'Utsman). Pintu keempatnya untuk Mu'aawiah, pintu kelimanya untuk 'Abdul Malik, pintu keenamnya untuk 'Askar bin Hausar. Pintu ketujuhnya untuk Abi Salaamah. Mereka merupakan pintu-pintu bagi orang-orang yang mengikut mereka. (Lihat Tafsir al-'Ayyasyi j.2 m/s 243, Tafsir al-Burhaan j.2 m/s 345).

(7) Berhubung dengan firman Allah di dalam Surah an-Nahl:

وَعَلَّمَنَّا وَيَالْتَجُمُ هُمْ يَهْتَدُونَ ﴿١٦﴾

Bermaksud: Dan (Dia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju. (an-Nahl:16).

Ahli-ahli Tafsir Syi'ah meriwayatkan daripada Muhammad al-Baqir (imam ke-lima Syi'ah) bahawa beliau berkata: "Sesungguhnya Allah melantik 'Ali di antaraNya dan hamba-hambaNya." Mereka juga meriwayatkan daripada Ja'far as-Shadiq bahawa beliau berkata: "Perkataan [النَّجْم] yang tersebut di dalam ayat itu bererti Rasulullah s.a.w. Dan Perkataan [وَعَلَامَات] pula bererti para imam. (Lihat Tafsir al-Qummi m/s 858, Tafsir as-Shafi j.2 m/s 282).

(8) Berhubung dengan firman Allah di dalam Surah al-Baqarah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٠﴾

Bermaksud: Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (al-Baqarah: 256).

→ tali yang kukuh.

Perkataan [الْعُرْوَةُ الْوُثْقَى] yang tersebut di dalam ayat itu menurut tafsir Syi'ah Wilayah dan Imamah para imam dua belas. (Lihat Tafsir al-Qummi m/s 75, Mir'at al-Anwaar m/s166). *bagi Syiah: Imam lagi besar dari Nabi.*

(9) Berhubung dengan firman Allah di dalam Surah al-A'raaf:

وَأَكْتُبْ لَنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا هُنَا وَإِلَيْكَ قَالِ عَذَابِي أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَشَاءُ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ
فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾

Bermaksud: Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu. Allah berfirman: AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertaqwa dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. (al-A'raaf:156).

Kitab tafsir Syi'ah mentafsirkan *كُلِّ شَيْءٍ* yang tersebut di dalam ayat di atas dengan *كل شئ*. Jadi maksud firman Allah itu menurut mereka ialah “dan rahmatKu meliputi setiap orang Syi'ah.”

(10) Berhubung dengan firman Allah di bawah ini:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ

Bermaksud: ... Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah yang paling bertaqwa... (al-Hujuraat:13).

Ja'far as-Shadiq dikatakan telah mentafsirkannya dengan berkata: *أَعْمَلَكُمْ بِالتَّقِيَّةِ* (Orang yang paling kuat mengamalkan taqiyyah. Jadi maksud firman Allah itu menurut tafsiran Imam Ke-enam Syi'ah ialah “Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah yang paling kuat mengamalkan taqiyyah.

*↳ pura², dusta,
bohong.*